

**GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN KERTAS BAHASA MELAYU 1
LATIH TUBI SPM TAHUN 2016**

BAHAGIAN A: 30 MARKAH

Lihat gambar-gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **kepentingan menganjurkan Rumah Terbuka Malaysia dalam kalangan masyarakat**. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

Kepentingan menganjurkan Rumah Terbuka Malaysia

- Memupuk perpaduan kaum
- Mengenali budaya dan adat resam kaum lain
- Memajukan industri pelancongan

Format :Tiada

Cadangan idea :Kepentingan mengadakan Majlis Rumah Terbuka Malaysia

Bil	KEPENTINGAN	KESAN KEPADA MASYARAKAT
1.	Memupuk perpaduan -saling berkenalan antara kaum -menyahut Gagasan 1Malaysia	-hubungan masyarakat pelbagai kaum bertambah erat -menghindari prejedis antara kaum -mengelakkan permusuhan kaum -kehidupan masyarakat lebih harmoni -pelabur yakin untuk melabur di Malaysia -ekonomi Malaysia akan berkembang.
2.	Mengenali budaya dan adat resam kaum lain -mengetahui cara kaum lain menyambut perayaan -mengetahui cara hidup masyarakat pelbagai kaum	-menikmati pelbagai juadah/makanan tradisional -mempelajari resepi kaum-kaum lain -mengeratkan silaturahim -menghormati budaya masyarakat lain -menghargai warisan budaya -memelihara kemakmuran negara -melambangkan identiti bangsa
3.	Memajukan industri pelancongan -menarik kehadiran pelancong -mengetahui matlamat penganjuran Rumah Terbuka Malaysia	-Meningkatkan pendapatan negara -mengurangkan pengaliran wang ke luar negara -menarik pelabur asing -meningkatkan imej negara -memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan -memajukan kawasan pelancongan -meningkatkan pendapatan pengusaha tempat penginapan('homestay', 'Chalet', hotel) dan Industri Kecil dan Sederhana

BAHAGIAN B:

- Aktiviti kokurikulum di sekolah memberikan pelbagai manfaat kepada murid-murid yang menyertainya.

Bincangkan faedah-faedah anda menyertai pelbagai aktiviti kokurikulum di sekolah sehingga menjadi murid yang cemerlang.

Bil	faedah-faedah anda menyertai pelbagai aktiviti kokurikulum di sekolah	sehingga menjadi murid yang cemerlang(kesan)
1	Mengisi masa lapang dengan aktiviti yang berfaedah	<ul style="list-style-type: none"> -menghindari diri daripada terlibat dengan masalah sosial -menghargai masa -bijak merancang masa dengan sistematik (jadual harian) -mengamalkan gaya hidup sihat
2	Mencungkil bakat	<ul style="list-style-type: none"> -melatih diri menjadi berkualiber(pengerusi, setiausaha) -berkomunikasi di khalayak -menonjolkan keterampilan diri -meningkatkan kemahiran sosial
3	Mengukuhkan perpaduan kaum	<ul style="list-style-type: none"> -belajar berinteraksi dengan kaum lain -menghargai persahabatan/mengelakkan antisosial -memperlajari budaya kaum lain -mengukuhkan sikap setia kawan -memupuk semangat kerjasama/ kerja berpasukan -melahirkan sikap bertoleransi
4	Membentuk disiplin diri -kekemasan diri -masa	<ul style="list-style-type: none"> -mematuhi peraturan – contoh dari segi masa -tidak membazir masa -mempunyai personaliti yang menarik -menjadi ikon sekolah
5	Membentuk keyakinan dan jati diri	<ul style="list-style-type: none"> -menyuntik semangat untuk berjaya dalam hidup -memberi idea yang bernalas -menjadi insan yang berdikari -sanggup berkorban untuk agama, bangsa dan negara -melahirkan murid yang kreatif, kritis dan berinovasi -melahirkan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek

- Dewasa ini penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. atau TMK amat diperlukan agar pengguna terutamanya remaja memperoleh ilmu pengetahuan.

Huraikan kepentingan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam kehidupan remaja..

Bil	Kepentingan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi	dalam kehidupan remaja. (kesan)
1	Melahirkan masyarakat yang bermaklumat <ul style="list-style-type: none"> - Maklumat di hujung jari - Dunia tanpa sempadan - Laman sesawang berita setiap negara boleh diakses melalui jaringan Internet untuk mendapatkan berita-berita terkini dari negara luar. 	<ul style="list-style-type: none"> -melahirkan remaja berilmu/berinformasi -mengetahui isu-isu semasa dengan pantas sama ada di dalam/luar negara. -melahirkan remaja celik TMK-berpengetahuan luas. -meningkatkan imej remaja -melahirkan remaja yang kreatif, kritis dan inovatif -melahirkan remaja yang berwawasan -menyumbang kepada pembangunan negara -melahirkan remaja yang peka/prihatin perkembangan dan pergolakan dunia
2	Menjimatkan masa dan tenaga <ul style="list-style-type: none"> - Semua maklumat diperoleh di rumah/di mana-mana sahaja dengan menggunakan telefon pintar - Pelbagai maklumat boleh diakses melalui medium ICT seperti Internet/talian tanpa wayar - Pelbagai urusan kerajaan atau swasta dengan mudah boleh dilakukan secara atas talian. - Urusan perbankan, pembayaran bil utiliti, permohonan kerja, membeli-belah, dan sebagainya. 	<ul style="list-style-type: none"> -melahirkan remaja yang cekap dan efisien. -mempercepat sesuatu kerja yang dilakukan oleh mereka. -menumpukan perhatian terhadap tugas lain -memudahkan urusan harian
3	Berhubung dan berkomunikasi dengan orang yang berada jauh daripada kita. <ul style="list-style-type: none"> - Melepaskan kerinduan bagi remaja yang melanjutkan pelajaran - Menggelakkan dikenakan caj yang mahal apabila menggunakan laman sosial 	<ul style="list-style-type: none"> -mbolehkan mereka berinteraksi dengan kadar yang rendah. -hubungan kekeluargaan tidak akan putus walaupun tinggal berjauhan. -menambah kenalan -merapatkan hubungan dengan sahabat handai
4	Menjanakan pendapatan remaja	<ul style="list-style-type: none"> -meningkatkan ekonomi remaja -meningkatkan kualiti kehidupan/taraf hidup

		<ul style="list-style-type: none"> -melatih remaja menjadi usahawan -mengurangkan kadar pengangguran negara -mengurangkan beban kewangan keluarga -memupuk sikap berdikari
5	Melahirkan remaja yang mampu berdaya saing	<ul style="list-style-type: none"> -kemahiran remaja setanding dan diiktiraf di peringkat antarabangsa -melahirkan remaja yang kreatif -meningkatkan imej diri dan negara -hasil inovasi mendapat pengiktirafan -

3 Pelbagai usaha telah dijalankan untuk menambah baik sistem pengangkutan darat di negara kita.

Tulis sebuah rencana tentang langkah-langkah untuk mendidik pengguna agar berhemah di jalan raya.

Bil	langkah-langkah pelbagai pihak untuk mendidik pengguna agar berhemah di jalan raya.	mendidik pengguna agar berhemah di jalan raya (kesan)
1	Peranan individu <ul style="list-style-type: none"> - Mematuhi peraturan jalan raya 	<ul style="list-style-type: none"> -mengelakkan kemalangan -melahirkan pengguna jalan raya yang berdisiplin dan patuh akan peraturan -mengelakkan pembaziran dari segi kewangan seperti membayar denda, membaiki kerosakan kenderaan, dan kos rawatan -mengelakkan pembaziran tenaga menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan kemalangan -tidak membuang masa untuk menguruskan hal yang melibatkan kemalangan
2	Peranan ibu bapa <ul style="list-style-type: none"> - Mendidik anak tentang faedah menjadi pengguna yang berhemah 	<ul style="list-style-type: none"> -melahirkan pengguna yang menghargai nyawa -melahirkan pengguna yang berdisiplin -meningkatkan nama baik keluarga -memupuk sikap saling menghormati hak pengguna jalan raya -memupuk sifat sabar -melahirkan pengguna yang bertoleransi

3	<p>Peranan pihak sekolah</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melalui Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan dan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya 	<ul style="list-style-type: none"> -sifar kemalangan murid sekolah -meningkatkan imej sekolah -meningkatkan perasaan tanggungjawab murid untuk sentiasa berhati-hati di jalan raya -
4	<p>Peranan pihak media massa</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menyiarkan dokumentari, segmen khas, iklan pendek, brosur. 	<ul style="list-style-type: none"> -melahirkan pengguna yang bertanggungjawab -memupuk kesedaran diri yang tinggi supaya berhati-hati -memberi peringatan secara istiqamah -menjadi medium/saluran/wadah untuk meningkatkan kesedaran pengguna
5	<p>Peranan pihak kerajaan</p> <ul style="list-style-type: none"> -membuat pemantauan -menganjurkan kempen kesedaran 	<ul style="list-style-type: none"> -menimbulkan perasaan takut untuk melakukan kesalahan undang-undang -mengurangkan kecuaian pengguna jalan raya -melahirkan pengguna yang penyayang

4. Pada era globalisasi ini, penguasaan ilmu dalam pelbagai bidang akan menentukan kejayaan seseorang itu.

Jelaskan kepentingan menguasai ilmu dalam pelbagai bidang pada masa ini.

bil	kepentingan menguasai ilmu	dalam pelbagai bidang pada masa ini (kesan)
1	Mengetahui isu-isu semasa	<p>Bidang Akademik (murid)</p> <ul style="list-style-type: none"> -melahirkan seseorang yang berpengetahuan -melahirkan seseorang yang celik ilmu -melahirkan seseorang yang peka/prihatin
2	Mencipta inovasi baharu dalam pelbagai bidang	<p>Bidang Teknologi (pekerja)</p> <ul style="list-style-type: none"> -melahirkan seseorang yang berdaya saing, kreatif dan inovatif -melahirkan seseorang yang mahir dalam sesuatu bidang -melahirkan tenaga mahir -melahirkan generasi yang celik ilmu -memudahkan urusan dalam kehidupan seharian
3	Menguasai ilmu perniagaan	<p>Bidang Perniagaan(usahawan)</p> <ul style="list-style-type: none"> -melahirkan seseorang yang sentiasa memajukan diri -meningkatkan taraf hidup -menambahkan pendapatan sampingan -melahirkan ramai usahawan muda
4	Melahirkan masyarakat yang proaktif	<p>Bidang Kemahiran Hidup</p> <ul style="list-style-type: none"> -melahirkan seseorang yang sentiasa berfikir

		<p>positif/optimis</p> <ul style="list-style-type: none"> -melahirkan seseorang yang sentiasa berusaha mengubah kehidupan/tidak mudah berputus asa -membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dalam kehidupan -melahirkan seseorang yang mampu menyelesaikan masalah
5	Memajukan diri dan negara	<p>Bidang Kerohanian</p> <ul style="list-style-type: none"> -melahirkan seseorang yang mampu mendepani pelbagai cabaran -disanjung/dihormati oleh masyarakat -merancang kehidupan dengan lebih sempurna -menjadi benteng yang ampuh dalam kehidupan -menjamin kehidupan yang lebih baik

5 Sekolah anda telah menganjurkan pertandingan menulis cerpen untuk dimuatkan dalam majalah sekolah. Cerpen itu bertemakan penghargaan terhadap jasa warga tua.

Tulis cerpen tersebut selengkapnya.

Diharapkan calon dapat menulis sebuah cerpen yang bertemakan penghargaan terhadap jasa warga tua.

Format: cerpen

- : Tiada tajuk cerpen – tolak 1 markah
- : Tiada nama penulis – tolak 1 markah
- : Tidak layak cemerlang jika tidak mengikut cerpen

2

- 3 Anda telah menyertai pertandingan syarahan di sekolah. Tajuk syarahan anda ialah "Jiran Sepakat Membawa Berkat".

Tulis teks syarahan anda itu selengkapnya.

4. Masa depan negara memerlukan generasi muda yang berilmu pengetahuan agar pembangunan dan kemajuan dapat dicapai.

Huraikan pendapat anda tentang cara-cara untuk menjadi remaja yang berilmu.

- 5 Warga tua merupakan golongan yang banyak berjasa kepada keluarga dan negara.

Nyatakan tindakan yang perlu dilakukan oleh pelbagai pihak untuk menghargai warga tua.

KERTAS SOALAN TAMAT